

Dr. Mahathir, Pope John Paul

1999 24 MAY 2002

KUALA LUMPUR 23 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dilihat sebagai pemimpin berpengaruh dan berpendirian sederhana dalam dunia Islam akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin tertinggi Kristian, Pope John Paul di Vatican pada bulan depan, kata para pegawai, hari ini.

Seorang pegawai memberitahu *Reuters*, lawatan tersebut adalah yang pertama oleh seorang pemimpin Malaysia ke Vatican.

Menurutnya, lawatan tersebut dijangka berlangsung sekitar 9 hingga 12 Jun ini ketika Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Switzerland dan Luxembourg.

“Beliau (Dr. Mahathir) menerima undangan daripada Pope bagaimanapun tarikh lawatannya sedang dibincangkan,” kata pegawai itu, yang enggan disiarkan namanya.

“Pertemuan antara Dr. Mahathir dan Pope John

bertemu di Vatican Jun ini

Paul mungkin akan berlangsung sebelum atau selepas beliau pergi ke Switzerland.”

Dr. Mahathir, 76, disifatkan sebagai seorang pemimpin Islam yang lantang bersuara menentang keganasan dalam konflik antara Israel dan Palestin.

“Isu Palestin bukan sahaja melibatkan orang Islam tetapi ia juga merupakan masalah orang Kristian,” kata pegawai itu lagi.

Dr. Mahathir menerima sambutan mesra di Wa-

shington dalam lawatannya ke Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini sebagai sekutu AS dalam kempen memerangi keganasan.

Perdana Menteri akan berada di Geneva pada 9 hingga 10 Jun ini untuk berucap pada satu persidangan tahunan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Lawatan beliau ke Luxembourg dijadualkan berlangsung pada 11 hingga 12 Jun.